
PENGGUBALAN KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH: Peranan Buku Teks Dan Peperiksaan Dalam KBSM¹

Hussein Hj. Ahmad
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia

This paper attempts to discuss the function and relationships of two significant elements, text books and measurement of educational performance, within the conceptual framework of the proposed revision of the secondary school curriculum of the Malaysian education system. The paper argues that in the context of a centralised education system, text books and educational measurement appear to have far reaching implications especially with regard to the designing of the proposed revision of the curriculum as well as the efforts of inculcating desirable values among Malaysian youths. Thus, the function and status of both elements must be seen within the conceptual framework of the overall curriculum along with the other principal elements of the curriculum structure. It is envisaged that the thrust of the proposed revision of the curriculum is based on the concept of broad-based general education, as recommended by the Cabinet Report (1979) on education. Hence the two elements of textbooks and educational measurement should not precede the planning process of the proposed revision because these elements are consequential to rather than determinants of the final curriculum structure and its implementation process.

The paper offers two suggestions as a conclusion. Firstly, in planning the revised version of the secondary school curriculum, stringent policies must also be considered to ensure textbooks of quality are produced. Secondly, efforts must also be taken to design instruments that would help to measure educational performance of students in a more comprehensive manner, not only in the area of educational achievement but also in the affective domain.

Perspektif Latar

Keperluan buku teks dalam proses pembelajaran dan pengajaran amat sukar dipertikaikan. Ini adalah disebabkan peranan buku teks sebagai sumber rujukan dalam proses pelajaran bagi seseorang pelajar baik di sekolah mahupun di rumah adalah satu hakikat yang sudah lumrah dalam sistem persekolahan di negara ini. Oleh itu keperluan buku teks sebagai alat pembantu utama kepada murid-murid dan guru-guru di Malaysia merupakan satu hakikat yang jelas ternyata. Betapa tidaknya? — pengetahuan yang disampaikan oleh guru-guru kebiasaannya adalah berpandu dan berpunca dari fakta, maklumat dan bahan yang diperolehi daripada buku-buku teks yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan.

Justeru itu sekurang-kurangnya tiga akibat penting dalam penggunaan buku teks di sekolah boleh dikenalpasti. Pertama, buku teks telah menjadi sumber rujukan utama mengenai punca pengetahuan kepada pelajar-pelajar di negara ini. Rata-rata tanpa buku teks guru sukar hendak mengajar dan pelajar-pelajar juga sukar mengikuti kurikulum dengan lebih tersusun. Keadaan hiraki sistem pendidikan yang berpusat dalam serba-serbi juga memerlukan keseragaman buku teks yang digunakan dalam sistem tersebut. Akibat kedua, ialah fakta, maklumat dan isi kandungan yang disajikan oleh penulis buku menjadi bahan utama dalam ujian dan peperiksaan dalam menyerami pelajaran yang diterima oleh pelajar-pelajar. Ketiga, pengaruh buku teks dalam sistem pelajaran kebangsaan yang ber-

pusat mempunyai implikasi yang amat mendalam dari segi: (i) pembentukan dan pelaksanaan kurikulum, (ii) sistem ujian penilaian dan peperiksaan, (iii) dasar untuk melaksanakan prinsip kesamarataan peluang-peluang pendidikan kepada semua dan (iv) matlamat pembentukan watak individu generasi belia. Sekiranya kita hanya mementingkan kesan akibat pertama dan kedua dalam perencanaan KBSM dan tidak menekankan isu-isu penting daripada akibat ketiga seperti yang disebutkan, keberkesanan dari segi perhitungan jangka panjang dalam pembentukan watak generasi pelajar (student character) akan menelurkan hasil yang tidak dihasratkan. Tegasnya hubungan rapat di antara buku teks dengan proses pengajaran dan pembelajaran tidak wajar dilihat dari kacamata guru dan pelajar sahaja dan perlulah dilihat dari konteks keseluruhan sistem KBSM.

Kajian

Mengikut sorotan saya, terdapat dua kajian di Malaysia untuk menunjukkan korelasi yang tinggi di antara pencapaian pelajar dengan buku teks yang terdapat padanya. Kajian keciciran (1972) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran telah memperlihatkan hubungan yang kuat dari segi korelasi di antara buku teks dengan keciciran pelajaran dari persekolahan.¹ Kajian yang dilakukan oleh Isahak Haron (1977) juga telah memperlihatkan kesan yang kuat mengenai buku teks terhadap pencapaian-pencapaian pelajar di Peperiksaan Darjah V.² Kesannya terhadap pencapaian pelajar merentasi semua kaum ethnik baik pelajar bandar mahupun di luar bandar dan juga berbeza-beza mengikut status sosioekonomi mereka.

Sebagai tindakan kepada perakuan Laporan Murad (Kajian Keciciran, 1973) Skim Pinjaman Buku Teks dalam sistem pelajaran di Malaysia telah dilaksanakan.³ Dalam prosedur untuk melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) terdapat sekurang-kurangnya empat dasar utama yang telah dijadikan garis-garis tindakan seperti berikut:

- i) dasar layakan menerima bantuan;
- ii) dasar pemilihan dan penggunaan buku teks;
- iii) dasar penukaran buku teks;
- iv) dasar gantian.

Matlamat Skim Pinjaman Buku Teks yang telah dilancarkan pada tahun 1975 itu ialah "untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa yang kurang mampu".

Sebagai kesan daripada dasar pelaksanaan buku teks melalui Skim ini diperturunkan di bawah ini beberapa maklumat latar untuk memperlihatkan taburan jumlah klientel penerima dan perbelanjaan yang telah dilakukan dalam Skim tersebut sejak ianya dilaksanakan dalam sistem pelajaran di negara ini.

JADUAL 1: Bilangan Murid Sekolah Rendah dan Menengah Yang Mendapat Faedah Bantuan dan Perbelanjaan Skim Pinjaman Buku Teks Mengikut Tahun.⁵

Tahun	Bilangan	Perbelanjaan	Purata Nilai Penerimaan Tiap Penerima
1975	2.01 juta	\$ 59.2 juta	\$28.19
1976	2.11 juta	\$ 18.4 juta	\$ 8.72
1977	2.13 juta	\$ 15.7 juta	\$ 7.37
1978	2.17 juta	\$ 27.0 juta	\$12.44
1979	2.21 juta	\$ 51.8 juta	\$23.43
1980	2.35 juta	\$ 24.7 juta	\$10.51
1981	2.72 juta	\$ 24.4 juta	\$ 8.90
1982	2.77 juta	\$ 30.0 juta	\$10.83
1983	2.96 juta	\$ 32.2 juta	\$10.87
1984	3.03 juta	\$ 40.0 juta	\$13.20
Jumlah	—	\$323.4 juta	—

Apa yang ternyata dalam jangkamasa Rancangan Malaysia ke-4 semua pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menerima faedah skim ini. Di peringkat sekolah menengah pada tahun 1984 sejumlah 241,000 pelajar menerima bantuan buku teks, iaitu pertambahan sebanyak 8.6% daripada dalam tahun 1980.

Perbelanjaan program ini juga telah meningkat daripada 59 juta ringgit di peringkat permulaannya kepada 137 juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan turun sedikit kepada 126 juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Keempat. Perbelanjaan ini meningkat sebagai kesan daripada dasar penggantian buku-buku teks setiap tahun. Dalam tahun 1984 sahaja, perbelanjaan mengenai skim ini meningkat kepada 40 juta ringgit. Selain daripada itu dalam Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975) sebanyak 1,522 dan Rancangan Malaysia Keempat sehingga tahun 1984 sebanyak 4,720 judul.

Namun demikian kajian berhubung dengan keberkesanan buku teks dalam pembelajaran di Malaysia adalah amat terhad sekali. Pada masa kini terdapat hanya sebuah kajian yang telah dilaksanakan iaitu oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia.⁶ Khususnya kajian itu telah menumpukan kepada beberapa aspek keseluruhan yang penting seperti dasar-dasar pelaksanaan, pentadbiran dan pengurusan di peringkat sekolah, sistem pesanan dan pembekalan, penyediaan tempat simpanan, penghapuskiraan, penilaian kualiti dari beberapa segi dan penyelaman pendapat umum dari responden kajian tersebut.

Suatu perkara yang amat menarik dari hasil kajian ini ialah mengenai kualiti buku teks.⁷ Aspek kualiti ini telah dinilai dengan menggunakan pendekatan analisis butiran maklumat di mana kelemahan buku dari segi isi dan kandungan penulisan dan fizikal telah dikenalpasti dan diberi timbangan untuk maksud perbandingan keseluruhannya. Buku-buku yang dilaporkan mempunyai lebih banyak kelemahan secara perbandingan dianggap kurang memuaskan kualitinya, manakala buku-buku yang dilaporkan mempunyai kurang kelemahan secara perbandingan telah dianggap lebih memuaskan kualitinya. Dari analisis matapelajaran tiap-tiap buku teks itu secara perbandingan dua matapelajaran yang ternyata paling tidak memuaskan kualitinya. Kedua-dua matapelajaran itu yang telah didapati mempunyai buku teks yang mempunyai banyak kelemahan ialah Bahasa Malaysia (timbangan 20.0%) dan Bahasa Inggeris (10.7%). Selain dari itu analisis secara perbandingan juga menunjukkan tiga aspek kelemahan yang amat ketara sekali iaitu berkaitan dengan:

- i) isi kurang mencukupi/kurang tepat/terkeluar dari sukatan pelajaran (timbangan 19.7%)
- ii) kurang latihan yang sesuai/latihan yang diberi kurang sesuai (17.8%)
- iii) penggunaan ejaan lama/istilah lama/sistem imperial (16.6%).

Berikut diturunkan gambaran keseluruhan analisis butiran secara perbandingan mengenai kelemahan buku-buku teks yang telah didapati dalam kajian tersebut. Dengan menggunakan rangka rujukan analisis butiran juga, penyelidik-penyelidik telah meneliti keadaan buku teks tiap-tiap mata pelajaran.

JADUAL 2: Analisis Butiran Secara Perbandingan

Susunan Keutamaan	Butiran Kelemahan	Timbangan %
1.	Isi kurang mencukupi/kurang tepat/terkeluar-dari sukatan pelajaran.	19.7
2.	Kurang latihan yang sesuai/latihan yang diberi kurang sesuai.	17.8
3.	Masih menggunakan ejaan lama/istilah lama/sistem imperial.	16.6
4.	Corak penyampaian/Teknik keterangan konsep yang kurang memuaskan.	14.4
5.	Jilid buku yang kurang memuaskan.	13.1
6.	Bahasa yang digunakan terlampau susah/kurang tepat/kurang jelas.	7.9
7.	Isi/data yang tidak dikemaskinikan.	7.7
8.	Gambarajah/Peta/Carta yang kurang lengkap.	7.7
9.	Mutu kertas yang kurang memuaskan.	1.0
10.	Banyak kesalahan berpunca dari kelemahan penyemakan.	0.1
	Jumlah	100.00

Di samping itu walaupun dari kajian ini telah menunjukkan bahawa prestasi pelaksanaan dan pentadbiran SPBT untuk sekolah-sekolah menengah adalah memuaskan secara keseluruhannya, namun demikian terdapat juga beberapa kelemahan dalam beberapa aspek.

Kelemahan-kelemahan itu khususnya mengenai dasr pelaksanaan, pentadbiran dan pengurusan SPBT di peringkat sekolah, pembekalan dan pesanan penyediaan tempat simpanan, penghapuskiraan dan kualiti buku. Laporan kajian ini juga menegaskan bahawa prestasi pelaksanaan dan pentadbiran mungkin boleh ditingkatkan lagi sekiranya pembetulan-pembetulan dan perubahan-perubahan yang sewajarnya berkaitan dengan dasar-dasar, peraturan-peraturan, pentadbiran dan pengurusan dapat dikenalpasti dan dilaksanakan secara berkesan untuk menepati matlamat-matlamat SPBT yang sebenarnya.

Penekanan Buku Teks dalam Kurikulum: Masalah dan Implikasi

Dalam perbincangan di atas tinjauan telah dilakukan mengenai keadaan latar berkaitan dengan kepentingan buku teks di sekolah, pelaksanaan SPBT dan kos dari segi pelaksanaan dasar-dasar yang sehubungan dengannya. Ada beberapa masalah, isu dan persoalan yang perlu ditimbulkan di sini. Ianya berkait dengan objektif dan amalan buku teks oleh pelajar-pelajar sekolah dalam mengikuti pelajaran di peringkat menengah. Masalah pertama berhubung dengan persoalan: Sewajar masalah isi, fakta dan bahan pelajaran dari segi pengetahuan, afektif dan psikomoto dalam tiap-tiap komponen harus dijadikan kandungan bahan dalam buku-buku teks untuk kegunaan. Masalah kedua berkait dengan kesan buku teks dalam soalan pembelajaran kerana buku teks keseluruhannya mengandungi fakta-fakta pelajar atau maklumat yang boleh mengesan berbagai kesan dan pengaruh dalam pembentukan watak dan sahsiah pelajar. Kedua-dua masalah ini berkait dengan satu isu penting, iaitu berkaitan dengan prinsip ketepatan atau "the certainty principle". Prinsip ini dikuasai oleh keyakinan bahawa terdapat dua dimensi, dimensi "betul" dan dimensi "salah" atau "right or wrong answer" dalam semua perkara yang dipelajari oleh pelajar. Dimensi "betul" menjadi harapan pelajar untuk mengemukakannya kepada guru penguji, penilai dan pemeriksa, sebab dimensi ini akan menghasilkan ganjaran atau "rewards" dalam berbagai bentuk dan corak. Dimensi "salah" berkemungkinan pula mendapat denda atau hukuman dalam pelbagai bentuk dan corak. Apa yang jelas ialah pendirian, pandangan, ide, pendapat dan sebagainya merupakan perkara-perkara yang tertekan atau yang disembunyikan oleh pelajar-pelajar dalam keadaan pembelajaran. Berkaitan dengan prinsip isu yang lebih penting lagi ialah berhubung dengan proses akal serta ingatan dalam "memory" manusia atau "the retention and remembering power of the human brain".

Penekanan penggunaan buku teks oleh perancang kurikulum, guru dan pelajar sekiranya dijadikan sebagai unsur terpenting dalam pembangunan konsep pendidikan umum yang hendak direncanakan itu mungkin akan mengakibatkan seperti yang terdapat dalam keadaan sekarang di mana ia akan menjauhkan lagi peranan dan fungsi "pemikiran" atau "thinking" dalam akal dan mental pelajar-pelajar. Buku-buku teks yang tidak seimbang isi kandungannya akan menghasilkan fakta-fakta untuk dihafal, diingat dan dijadikan matlamat pembelajaran. Seperti yang dirasakan pada masa dahulu dan kini, penekanan ini akan mengurangkan penekanan terhadap proses "pemikiran" pelajar. Dalam keadaan inilah prinsip "certainty" atau ketepatan akan menguasai proses pembelajaran dan daya pemikiran pelajar-pelajar, yang mana tiap-tiap unsur dalam sesuatu perkara itu mesti dilihat hanya dari sudut dikotomi: salah satu betul. Oleh kerana itu adalah sukar bagi pelajar mahupun guru untuk menerima hakikat bahawa kadang-kadang buku juga boleh "salah" khususnya dari segi ketepatan ini.

Sekiranya perencanaan buku-buku teks yang akan digunakan tidak diawasi dengan lebih bijak dan cekap prinsip ketepatan ini akan menguasai segala proses pengajaran dan pembelajaran di mana jawapan betul atau salah menjadi perkara terpenting bagi setiap persoalan, masalah atau isu yang ditimbulkan dalam ilmu pengetahuan. Penekanan dan pengantungan kepada buku teks akan menekankan lagi fungsi ini. Tiap-tiap pelajar sentiasa memberikan atau mencari atau memberikan penekanan kepada jawapan-jawapan betul sedangkan dalam dunia yang sebenar sesuatu unsur itu adalah tidak mutlak ketepatannya. Perlu diingat dari segi Agama Islam yang mutlak dan tepat ialah Allah. Lain-lain daripadanya akan berubah. Perubahannya itu akan bergantung kepada pembaharuan, penciptaan, dapatan-dapatan baru dalam semua bidang contohnya pada suatu ketika unsur "atom" adalah dianggap unsur yang paling terkecil sekali dalam dunia seagat. Pada masa beberapa dekad lalu unsur atom sebagai diangapkan unsur terkecil. Kini fakta ini sudah tidak betul kerana terdapat "neutron" bahkan terdapat juga unsur "proton" yang lebih kecil. Begitu juga dalam bidang ilmu alam, sejarah, ilmu kemasyarakatan di mana fakta-fakta sentiasa berubah. Ilmu Alam Afrika, Asia bahkan di Malaysia sendiri terdapat nama-nama tempat, populasi dan fakta-fakta lain telah berubah. Maksudnya, fakta sendiri adalah boleh menjadi subjektif kerana kebenarannya boleh berubah mengikut masa, tempat, taf-

siran, nilai, kepercayaan dan kerelevanan. Inilah yang menjadi isu penting berkaitan dengan buku teks jika kita amat menekankan fakta untuk dimuatkan dalam kandungan kurikulum yang sedang direkabentuk. Masalahnya ialah proses daya kreatif, daya cipta, daya bina akan terus diketepikan dalam suasana pendidikan umum, sedangkan sifat atau *dayacipta*, *dayakritis*, *dayabina*, *dayafikir kreatif*, *dayatinjau*, ini adalah unsur-unsur yang amat penting dalam proses pembangunan watak dan intelek individu mahupun yang berkaitan dengan saintifik, teknik dan sastera. Inilah yang harus diawasi dalam penyediaan buku teks.

Isu ketiga ialah, dari kebanyakan buku teks yang digunakan pada masa ini, sebahagian besarnya tidak berlandaskan kepada prinsip-prinsip pendidikan tertentu dalam proses penyediaannya. Bahkan jarang-jarang terdapat sesebuah buku teks itu menerangkan tujuan-tujuan tertentu dari segi pendidikan mengapa buku itu ditulis; untuk kumpulan mana, siapakah sasaran yang ditujukan; jauh sekali untuk menyelesaikan masalah pelajar-pelajar yang sederhana atau lemah yang memerlukan pemulihan. Kepentingan-kepentingan yang diutamakan ialah bagaimanakah untuk memperolehi pasaran yang terbanyak supaya ianya akan menghasilkan royalti yang maksima. Unsur perkembangan pelajaran secara yang lebih berprogram kurang diperhatikan dengan teliti. Selain dari itu kebanyakannya mementingkan aspek fakta-fakta pengetahuan dan isinya kurang dikaitkan aspek-aspek afektif yang perlu supaya dihubungkan dengan aplikasinya, nilai, sikap budi rasa dan norma kehidupan masyarakat persekitaran tempatan, negara dan serantau. Buku-buku teks yang mengandungi terlalu banyak atau berat kepada akademik akan hanya lebih untuk memenuhi cita-rasa dan keperluan segolongan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke tahap universiti, sedangkan umum mengetahui daripada 100% kohot pelajar yang benar-benar boleh berjaya dan dapat ditampungi oleh universiti-universiti hanya 2%; paling banyak sehingga 5%; itu pun bagi negara-negara termaju seperti Jepun, Switzerland. Perlu diingat 95% dari kohot pelajar itu akan keluar dari sekolah menengah yang menggunakan KBSM di peringkat pendidikan umum.

Peperiksaan: Konsep dan Fungsi

Dalam perbincangan mengenai peperiksaan kertas ini akan meninjau serta melihat aspek yang berkaitan dengan peperiksaan. Dalam hal ini perlu diringkaskan rangka pengertian 3 konsep penting ujian, penilaian dan peperiksaan kerana ketiga-tiganya mempunyai hubungan yang rapat. Konsep "Ujian" bermaksud satu proses untuk menentukan peringkat pencapaian seseorang individu dalam sesuatu bidang yang telah dipelajarinya. Peringkat pencapaian itu yang kelazimannya dinilai dengan satu ukuran seperti angka atau peratusan tertentu untuk dijadikan titik-tolak mengenai tahap pencapaian individu dalam sesuatu perkara yang dipelajarinya.

Fungsi "ujian" dalam pembelajaran meliputi beberapa perkara, diantaranya:

- i) Untuk mengukur perkembangan seseorang pelajar itu dalam proses pembelajaran.
- ii) Untuk membantu dalam panduan keupayaan akademik seseorang pelajar.
- iii) Untuk membantu guru merancang penyampaian kurikulum yang berpatutan dengan keperluan murid.
- iv) Untuk membantu pihak-pihak tertentu dalam tugas menentukan kenaikan murid ke darjah atau peringkat tertentu.
- v) Untuk mengetahui setakat mana dari segi kuantiti dan sedalam mana dari segi kualiti pembelajaran sesuatu bahan pengetahuan dan kemahiran telah berlaku pada diri seseorang murid.

Penilaian pula lebih luas pengertiannya. Ia dimaksudkan sebagai satu proses yang sistematik dalam usaha menentukan sejauh mana objektif-objektif pembelajaran telah tercapai oleh pelajar-pelajar. Selain dari itu pula peringkat pencapaian seorang murid itu digunakan untuk membandingkan dengan peringkat pencapaian murid lain yang pada prinsipnya mendapat layanan atau "treatment" yang agak serupa. Matlamat konsep penilaian adalah berdasarkan pembahagian jenis-jenisnya. Pertama ialah penilaian untuk menentukan taraf geraklakuan di peringkat permulaan pembelajaran atau **placement evaluation**. Penilaian ini merupakan penilaian geraklakuan murid di peringkat awal sebelum ia mengikuti siri penyampaian pengajaran.

Kedua ialah penilaian formatif sebagai **formative evaluation** untuk mengesan kemajuan pelajar. Matlamat untuk memberi maklumat maklumbalik berhubung dengan kemajuan proses pengajaran oleh guru dan pembelajaran oleh murid. Maklumat maklumbalik ini akan memberi petanda-petanda atau petunjuk-petunjuk kejayaan pengajaran dan pembelajaran setelah menentukan kesilapan-kesilapan atau kelemahan-kelemahan yang khusus untuk diperbetulkan, khasnya dalam teknik atau pendekatan pengajaran dan kerja-kerja pemulihan. Biasanya bahan-bahan penilaian jenis ini disediakan dan bertujuan memberi peluang kepada murid menguasai sesuatu bahan, aspek atau unit kurikulum itu. Oleh itu keputusan-keputusan penilaian biasanya tidak digunakan untuk pemeringkatan seseorang murid berbanding dengan murid-murid lain.

Ketiganya ialah penilaian diagnostik atau **diagnostic evaluation**." Penilaian jenis ini adalah berhubung dengan usaha menentukan masalah-masalah dan kesukaran-kesukaran pembelajaran yang bertalu-talu yang dihadapi oleh pelajar dan tidak dapat diperbaiki dengan cara pembetulan yang sejagat atau standard yang digunakan bagi penilaian formatif. Matlamat utama penilaian diagnostik ini ialah untuk menentukan sebab-sebab timbulnya kesukaran-kesukaran yang bertalu-talu dalam diri murid itu mengenai pembelajarannya supaya pemulihan kelemahan dan kesukarannya perlu dijalankan pada peringkat itu sebelum kelemahan-kelemahannya bertindih-tindih secara kumulatif. Pada prinsipnya ujian jenis ini berfungsi sebagai satu sistem amaran awal (early warning system) mengenai bukan sahaja kedudukan pelajar itu dalam pembelajarannya di bidang tertentu bahkan juga kelemahan-kelemahan lain yang dihadapinya.

Keempatnya ialah penilaian sumatif atau **summative evaluation**. Penilaian jenis ini biasanya disediakan dan dilakukan di akhir sesuatu unit, modul atau siri kursus pengajaran. Tujuannya untuk menentukan setakat mana keseluruhan objektif-objektif penyampaian kurikulum oleh guru dan pembelajaran oleh pelajar telah dicapai. Kegunaannya yang utama ialah untuk menentukan pemeringkatan seseorang murid atau pengukuran pencapaiannya sama ada ia telah menguasai semua objektif. Teknik-teknik yang digunakan dalam penilaian sumatif telah dipertentukan oleh objektif-objektif pengajaran keseluruhannya. Biasanya di antara teknik-teknik ini termasuklah ujian-ujian pencapaian yang disediakan oleh guru-guru dan agensi-agensi tertentu. Matlamat utama penilaian sumatif ialah untuk menjalankan proses pemarkahan seseorang murid dibandingkan dengan pemarkahan kumpulannya menguasai bahan-bahan atau unit-unit pengajaran.

Selain dari itu matlamatnya juga untuk maklumbalik mengenai kesesuaian objektif-objektif kursus dan kekesanan pengajarannya.

Dalam ertikata yang lebih luas lagi, ketiga-tiga konsep ujian, penilaian dan peperiksaan mempunyai hubungan yang rapat. Kadangkala sukar bagi kita menentukan garis-garis pemisahan di antaranya, walaupun kedua-duanya mempunyai fungsi yang agak berlainan. Fungsi ujian lebih mirip kepada usaha memperlihatkan perubahan geraklakuan (behaviour) seseorang individu di antara waktu sebelum dan waktu sesudah proses pembelajaran. Secara objektif kita boleh mengatakan bahawa seseorang itu telah mempelajari sesuatu apabila geraklakunya telah berubah daripada keadaan sebelum ia mempelajari sesuatu perkara itu.

Penilaian pula lebih mirip kepada proses memperlihatkan ciri "status" atau kedudukan seseorang individu dibandingkan dengan kedudukan individu-individu yang lain setelah dijalankan satu ujian di mana kesemua murid dalam peringkat itu mengambil bahagian. Peperiksaan pula lebih bertujuan memastikan tahap pencapaian keseluruhan hasil pembelajaran yang diikuti oleh pelajar dalam satu jangka waktu yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, di antara ketiga-tiga ujian dan penilaian ini, penjenisannya harus dilihat dari sudut unsur terpenting iaitu unsur interpretasi. Berdasarkan unsur interpretasi ini ada dua cara bagi menerangkan pencapaian seseorang murid itu. Cara yang pertama ialah dengar: melihat gerak-lakuan, sama ada positif atau negatif, yang boleh ditunjukkan oleh seseorang murid itu sesudah ia diberi ujian. Dari sudut ini ujian itu disebut ujian "Criterion-Referenced". Cara yang kedua ialah dari sudut di mana pencapaian membandingkan seseorang murid itu dengan tingkat atau taraf pencapaian murid-murid lain menjadi tumpuan utama ujian "Norm-Referenced".

Secara ringkas Ujian "Criterion-Referenced" mempunyai ciri berikut. Pertama, pada umumnya ujian jenis ini tidak bertujuan membandingkan pencapaian seorang murid dengan murid-murid lain. Kedua, sukar-mudah bahan-bahan yang digunakan untuk jenis ujian ini dipilih atas prinsip sama ada bahan-bahan itu boleh menggambarkan secara khusus aktiviti pembelajaran yang sedang diukur berhubung dengan kebolehan murid itu. Jika aktiviti pembelajaran itu mudah, mudahlah bahan ujiannya. Jika sukar, sukarlah bahan ujiannya. Ketiga, dari segi objektif, ujian jenis ini mempunyai dua matlamat akhir. Pertama ia bertujuan untuk menentukan secara langsung pengetahuan dan kemahiran yang khusus yang boleh diperlihatkan oleh murid itu pada satu masa digandingkan dengan matlamatnya yang kedua untuk menentukan yang manakah bahan, kandungan unit atau keadah penyampaian menjadi punca kelemahan murid itu.

Ujian "Norm-Referenced" pula mempunyai ciri-ciri yang berlainan. Pertama, ia direka untuk menentukan kedudukan murid-murid dengan murid-murid lain di peringkatnya sama ada di satu kelas atau beberapa kelas atau semua murid peringkat itu di dalam sistem persekolahan. Penentuan kedudukan itu adalah mengikut pencapaian semua murid, daripada yang mendapat markah yang tertinggi hingga kepada mereka yang mendapat markah yang paling rendah atau sebaliknya. Tujuannya yang paling utama ialah untuk dijadikan garispanduan dan gambaran pencapaian keseluruhan murid-murid. Oleh itu pemilihan bahan-bahan ujian jenis ini disusun atau direka supaya bahan-bahan itu boleh memperlihatkan perbezaan pencapaian yang seluas-luasnya. Ciri ini dilakukan dengan tidak memilih soalan-soalan mudah sahaja atau yang sukar-sukar sahaja atau 50% daripada soalan-soalan itu adalah yang sukar. Ciri yang kedua ialah ia memperlihatkan perbezaan yang paling maksima mengenai pencapaian di antara semua murid. Ciri yang ketiga ialah untuk menentukan pemeringkatan murid dibandingkan dengan murid-murid yang lain.

Berdasarkan penjenisan mengikut interpretasi hasil ujian itu, ini pada dasarnya dan pada praktiknya, **ujian formatif** dan **diagnostik** tergolong dalam Ujian "Criterion-Referenced". **Ujian sumatif** tergolong dalam Ujian "Norm-Referenced". **Ujian penentuan kedudukan** atau "Placement Evaluation" pula boleh digolongkan ke dalam kedua-dua jenis penggolongan ini. Peperiksaan pula boleh digolongkan ke dalam ujian sumatif dan mirip kepada norm referenced.

Masalah, Isu dan Implikasi

Untuk melihat hubungan unsur peperiksaan dengan buku teks perlulah dilihat kedudukan kedua-dua unsur ini dalam satu rangka rujukan secara keseluruhannya berserta dengan komponen-komponen utama dalam pendidikan umum. Rangka rujukan ini dijelaskan dalam carta berikut. (Lihat Lampiran A dan B).

Ada tiga perkara penting yang perlu diperhatikan. Pertama, kedua-dua unsur, buku teks dan pengukuran (termasuk ujian, penilaian dan peperiksaan) mempunyai kedudukan yang penting dalam konsep KBSM yang sedang dirancangkan. Namun demikian tidak seharusnya unsur buku teks mempengaruhi kurikulum; begitu juga tidak seharusnya proses ukuran mempengaruhi kurikulum. Sebenarnya kedua-dua unsur buku teks dan peperiksaan adalah akibat atau "consequence" yang "dipengaruhi" dan bukan unsur "penentu". Keperluan kedua-dua unsur ini adalah untuk memenuhi kehendak-kehendak tertentu dalam sistem keseluruhan KBSM yang sedang dibentuk. Pada masa kini peranan peperiksaan lebih merupakan unsur atau faktor "penentu" kepada kurikulum yang dilaksanakan di sekolah. Akibat daripada keadaan ini terlalu banyak isu yang boleh diperkatakan.

Di antaranya ialah:

- i) Penekanan pembelajaran di sekolah tertumpu kepada fakta-fakta untuk dicapai dalam peperiksaan.
- ii) Teknik pembelajaran dan pengajaran terlalu akademik.
- iii) Proses pelajaran tidak menimbulkan kuasa penarik untuk melahirkan minat bagi "mencari ilmu" melainkan untuk lulus peperiksaan dengan taraf yang terbaik.
- iv) Tekanan kepada peperiksaan telah melahirkan berbagai-bagai strategi dan pendekatan. Di antara pendekatan yang popular ialah penjurusan atau "streaming" di peringkat kelas. Walaupun tujuannya adalah baik, tetapi cara pelaksanaannya lebih merugikan pelajar-pelajar lemah dan menguntungkan pelajar-pelajar yang bijak. Yang bijak lebih kukuh pencapaian mereka dalam peperiksaan seterusnya; yang lemah terus lemah, disebabkan di antaranya kesan proses "cumulative deficiency" atau kelemahan-kelemahan terkumpul dan proses "self-fulfilling prophency" ramalan melengkap diri. Banyak kajian telah memperlihatkan kesan-kesan seperti ini.
- v) Tekanan kepada peperiksaan juga telah melahirkan buku-buku teks yang kurang berkualiti atas sebab yang telah dihuraikan di atas.
- vi) Akibat daripada tekanan kepada peranan "central" mengenai peperiksaan, kelas-kelas tuition amat berleluasa dan telah menimbulkan berbagai gejala yang tidak dijangka dan menyenangkan kepada ibubapa yang tidak mampu, khususnya kepada mereka yang berstatus sosio-ekonomi rendah. Dengan makin kuat usaha kita ke arah kesamarataan dalam peluang pendidikan, makin jauh kita untuk mendapat matlamatnya.

Banyak lagi kesan-kesan yang boleh dihuraikan. Memadailah dengan senarai di atas. Kesan dan akibat boleh dielakkan sekiranya kita berwaspada mengenai kedudukan, status, peranan, pendekatan, teknik mengenai pengukuran dari segi peperiksaan, ujian, penilaian dalam KBSM dan mengambil kira kesan-kesan yang tidak dijangkakan (unintended effects) serta memikirkan berbagai-bagai mekanisme untuk mengelakkannya.

Perkara kedua yang boleh diperhatikan dari carta tersebut ialah dalam KBSM yang sedang direncanakan perlu difikirkan konsep pengukuran secara keseluruhan dari segi ujian, penilaian dan peperiksaan. Bateri ujian kesan aras prestasi, di antaranya daripada yang berjenis 'Placement, Diagnostic, Aptitude dan Formative' perlu mendapat tempat yang istimewa dalam tiap-tiap komponen/subjek yang digulungkan dalam konsep KBSM. **Menekankan pengukuran dari segi 'Summative Evaluation' sahaja akan dengan tidak secara langsung mengakibatkan serta mengekalkan sinario iklim persekolahan dan pendidikan yang wujud pada masakini di Malaysia.** Boleh diperhatikan bahawa keseluruhan ujian yang dilaksanakan oleh sekolah pada masakini adalah bercorak 'summative' dan amat mirip

kepada ujian 'norm-referenced'. Sekolah-sekolah terutama guru-guru tidak boleh diper-salahkan kerana keupayaan dan kebolehan mereka membina ujian-ujian yang bercorak lain seperti ujian-ujian formatif, diagnostik, placement, aptitude adalah terlalu terhad. Oleh itu perencana-perencana dalam sistem pengukuran perlu menyediakan infra-struktur untuk melibatkan seberapa ramai dari mereka yang berkenaan untuk membantu membina dan membentuk ujian-ujian yang lain daripada ujian sumatif. Latihan-latihan yang khusus dalam bidang ini perlu dititikberatkan.

Perkara ketiga yang harus diperhatikan dari carta tersebut ialah peperiksaan standard bagi keseluruhan pelajar di akhir tahun KBSM seharusnya mengandungi unsur-unsur ukuran yang lebih luas lagi daripada apa yang berlaku pada masakini. Komponen ukuran mengenai afektif seperti aspek-aspek nilai, norma, psiko-sosial pelajar, kecondongan, kemahiran dayacipta, dayareka, dayabina, dayafikir dan lain-lain bagi sukar sekali didapati dari peperiksaan-peperiksaan kebangsaan yang diadakan sehingga ke masakini. Ini adalah isu penting supaya proses pengukuran prestasi pelajar-pelajar akan membawa pengertian yang lebih bermakna.

Cadangan

Kedudukan dan peranan buku teks dan sistem pengukuran (ujian, penilaian dan peperiksaan) pertulah dilihat dalam konteks yang lebih luas dan bermakna dalam pembentukan KBSM. Walaupun buku teks dan peperiksaan merupakan unsur penting, kedua-dua unsur ini tidak harus dijadikan unsur penentu kepada konsep KBSM. Untuk memastikan hal ini tidak berlaku perancangan KBSM haruslah memikirkan cara dan teknik-teknik pengukuran pembelajaran yang lebih baik dan sesuai.

Memandangkan kesan dan pengaruh buku teks kepada proses sosialisasi dalam pembentukan watak dan sahsiah pelajar-pelajar adalah penting, perancangan KBSM haruslah memikirkan dasar-dasar utama yang lebih tegas mengenai buku teks yang akan digunakan untuk menjaga mutu buku teks yang tinggi supaya tujuan dan matlamat KBSM akan tercapai.

Memandangkan bahawa KBSM merupakan satu reformasi dalam sistem pelajaran di peringkat sekolah menengah, pelaksanaan konsep peperiksaan suamtif di akhirnya haruslah lebih menyeluruh lagi bukan sahaja meliputi aspek-aspek sikap nilai, keupayaan pentakulan, pengetahuan ko-kurikular, kecondongan (aptitude), dan kemahiran-kemahiran intelek yang lain.

Dalam merencanakan program pengukuran (ujian, penilaian, peperiksaan), penglibatan dan penyertaan golongan-golongan yang berkaitan dalam pengukuran pendidikan di semua peringkat institusi merupakan faktor yang penting untuk dititikberatkan.

Rujukan Khas

1. Ishak Haron, *Social Class and Educational Achievement: Peninsular Malaysia*; Chicago; Universiti of Chicago, unpublished Ph.D Dissertation.
2. Kementerian Pelajaran Malaysia, (1973) *Kajian Keciciran (Dropout Study)*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Ministry of Education, Malaysia, *Report of the Committee of Officials Appointed by the Cabinet to Examine the Recommendations of the DROPOUT STUDY*. An unpublished document of the Education Ministry, m.s. 12-20, 25.

¹Kertaskerja ini telah dibentangkan dalam seminar "PENGGUBALAN KBSM: Mencari Teras Pendidikan Umum di Malaysia" anjuran Kesatuan Kebangsaan Pengurusan Malaysia (NUTP) pada 29 - 31 Julai 1985 di Wisma MCOBA, Kuala Lumpur.


4. Kementerian Pelajaran Malaysia, (1983) *Perlaksanaan dan Pentadbiran Skim Pinjaman Buku Teks; Biro Buku Teks*, m.s. 1 – 4.
5. Kementerian Pelajaran Malaysia, (April, 1985) “*LAPORAN TEKNIKAL: Kajian Menilai Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Dalam Program Pelajaran*” Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran. (M.S. 139-143) (Tidak tercetak dan edaran terhad.)
6. Kementerian Pelajaran Malaysia, (Oktober, 1983) “*LAPORAN: Kajian mengenai Prestasi Pelaksanaan Dan Pentadbiran Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) untuk Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia 1983*”. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia. (Tidak tercetak dan edaran terhad).
7. Kementerian Pelajaran Malaysia, (Oktober, 1983) “*LAPORAN: Kajian mengenai Prestasi Pelaksanaan Dan Pentadbiran Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) untuk Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia 1983*”. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia. (Tidak tercetak dan edaran terhad).
8. Hussein Haji Ahmad, (1979) “*UJIAN DAN PENILAIAN: Hakikat Yang Wujud di Sekolah-Sekolah Malaysia Mengenai Pengajaran Bahasa Malaysia*”. Kertaskerja di KONPEN ke IV (1979) Persatuan Suluh Budiman di MRSM, Kuantan, Pahang, 8-10 Dis, 1979.
9. Thorndike R.L., Hagen E.P., *Measurement and Evaluation in Psychology and Education*; New York: John Wiley and Sons, Chapter 6, “Achievement Test and Educational Decisions”, Chapter 8, “Standardized Achievement Tests”, Chapter 14, “Planning a School Testing Programme, Chapter 16, “Social and Political Issues in Testing”.

Rujukan Umum

1. Kementerian Pelajaran Malaysia, (Jun, 1983) *HASIL SEMINAR AHLI-AHLI PERANCANG mengenai Fal-safah Pendidikan untuk Malaysia, 6-9 Jun, 1983, Pusat Perkembangan Kurikulum*. (Tidak tercetak dan edaran terhad).
2. William Glasser, M.S., (1969) *Schools Without Failure*, New York: Harper Colophon Books’.
3. Hoffman, Banesh, (1962) *The Tyranny of Testing*; New York: Collier Books.
4. Robert, Marc (1974) *Loneliness in the Schools*; Illinois: Argus Communication.
5. Kagan, Jerome (ed.), (1976) *Creativity and Learning*; Boston: Beacon Press.
6. Kiros Fassil, G. (ed.) (1975) *Educational Outcome Measurement in Developing Countries*; Washington. George Washington University, Public.
7. Silberman, Charles, E. (1970) *Crises in the Classroom: The Making of American Education*; New York: Random House.
8. Hussein Haji Ahmad, (1984) “*Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam konsep Rukun Negara dan sebagai Strategi Utama untuk Matlamat Mencapai Dasar Ekonomi Baru*”; dalam jurnal NUSANTARA, Bil. 12, 1984; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 88 – 107.
9. Hussein Haji Ahmad, (1980) “*Information Needs for the Planning and Implementation of Educational Policy in Malaysia*”, in Oli Mohd. + Cheong W.T. (ed.) *INFORMATION for PRODUCTIVITY and DEVELOPMENT*; Singapore Maruzen Asia, p.p. 57-77
10. Hussein Haji Ahmad, (1980) “*Major Trends and Indicators in the context of Education and National Development: The Malaysia Case*”. A paper presented at the Joint Stanford SIDEC Alumni – Comparative International Education Society, April 16-20, 1985. Stanford, California, USA.
11. Hussein Haji Ahmad, (1980) “*Kanak-kanak dan Pembacaan: Persoalan, Masalah dan Penyelesaian (Bahagian I + II)*” dalam I + II Kementerian Pelajaran Malaysia, Jilid 6, Bi. 3, Disember 1980.
12. Hussein Haji Ahmad, (1985) “*Towards a Conceptualization of Common Social Indicators for Educational Planning and Research*”. Paper presented at ASEAN DEVELOPMENT EDUCATION PROJECT, Regional Conference on Educational Management Information System held in Penang 4th. – 8th March, 1985.

Kedudukan dan Peranan Buku Teks dan Peperiksaan Dalam Konsep Pendidikan Umum: KBSM

Satu Rangka Rujukan Komponen Input, Output dan Pengesanan



MATALAMAT
CIRI-CIRI PERAWATAKAN BELIA

PENGUKURAN

Nilai-nilai Asasi Individu Seperti
Keagamaan
Toleransi Kaum dan agama
Nilai hidup bermasyarakat
Jarak Hubungan Kaum
Penghargaan budaya pelbagai etnik
Penghargaan budaya kebangsaan
Kesedaran politik dan sebagainya.

Atribut Asasi Individu seperti:
Kemahiran komunikasi dengan bahasa (BM, BI)
Kemahiran applikasi numerasi, matematik, sains
Kemahiran berfikir dan menyampai
Kemahiran komputasi dan teknik
Kemahiran tinjauasiasat, tinjaukaji
Kemahiran kreativiti dan ko-kurikular
Kemahiran seni dan rekreasi
Dan sebagainya

Ciri-Ciri Positif Psikologi Sosial Individu seperti:
Motivasi kecapaian
Tanggapan diri
Sindrom manusia moden dan sebagainya

Ciri-Ciri Social pada Individu seperti:
Kesedaran kekeluargaan
Kesedaran Kejiranan
Kesedaran komuniti
Kesedaran sivik
Kesedaran kebangsaan
Kesedaran serantau
Dan sebagainya.

PENGUKURAN
DAN
PENILAIAN

PILIHAN BATERI UNIAN
KESAN ARAS "PRESTASI"
Peringkat Asas,
Sederhana dan Maju:
mengikut peringkat

1. Pengetahuan
2. Sikap dan nilai
3. Kecondongan
4. Literasi fungsional
5. Kesedaran
6. Kemahiran-kemahiran fungsional.
7. Kecondongan skolastik
8. Minat
9. Aspirasi
10. Motivasi
11. Expektasi
12. Tanggapan diri
13. Dan sebagainya

Pilihan jenis-jenis yang berkaitan yang perlu direkabentuk seperti ujian:
Placement
Formatif
Diagnostik
Summatif
Aptitude

PEPERIKSAAN
STANDARD MERANGKUMI
ASPEK-ASPEK

1. Pencapaian Pengetahuan (Mirip Ke kognitif)
2. Penerapan sikap dan Nilai (Mirip ke afektif)
3. Keupayaan
4. Kemahiran fungsional
5. Kokurikular
6. Kecondongan
7. Mirip kepada rujukan Norma Dan
8. Bercorak Pensijilan Terbuka.